

Sheik lakar program majukan silat negara

Berita Harian, 25 October 1998, Page 24

Article also available on Microfilm Reel NL21538

Printer-Friendly Page

Sheik lakar program majukan silat negara

Oleh

YUSOFF A. RAHMAN

SEBAGAI bekas johan silat dunia sebanyak dua kali, Sheik Alauddin telah meniti liku-liku sukar yang perlu ditempuh sebelum mencapai kemuncak cita-citanya itu.

Kini, sebagai jurulatih nasional, Sheik, 39 tahun, akan melakar program latihan yang juga akan menjurus para pesilat nasional ke arah matlamat itu.

"Sejauh ini, Singapura hanya melahirkan empat johan dunia. Adalah menjadi harapan saya sepanjang penggal saya sebagai jurulatih nasional, ingin membantu pesilat negara mencapai kejayaan yang terbaik sekali," kata Sheik selepas dilantik menjadi jurulatih nasional kelmarin.

Selain Sheik yang menjuarai kejohanan dunia pada 1990 di Belanda dan 1994 di Thailand, tiga lagi pesilat yang pernah menjadi johan dunia ialah Mohamed Hidayat Hosni, Badriah Hosni dan Abdul Kadir Ibrahim.

"Kami tidak ingin bilangan itu sekadar empat saja. Saya mempunyai rancangan untuk mengundang tiga pemenang pertama dalam setiap Kelas Dewasa dan Remaja untuk menyertai skuad negara," katanya.

Menurutnya, beliau akan menghantar surat undangan kepada para pesilat ini sama ada mereka ingin mengikuti latihan nasional ataupun tidak.

"Para pesilat yang setuju mengikuti latihan akan menjalani ujian kecergasan. Adalah penting bagi kami meninjau taraf kecergasan setiap pesilat sama ada mereka masih berlatih ataupun tidak. Selepas itu, para pesilat ini akan mengikuti latihan intensif selama dua minggu. Mereka perlu berlatih dua jam

sehari.

"Dalam latihan intensif ini, kami boleh tahu siapakah di antara mereka yang berminat bersungguh-sungguh ataupun sebaliknya.

"Dulu, memang ada dakwaan tentang soal pilih kasih. Tetapi kali ini, semua pesilat harus bersaing untuk merebut tempat, tidak kira sama ada mereka johan dunia ataupun sebagainya," beliau memberitahu.

Para pesilat yang terpilih membentuk skuad negara kemudiannya akan mengadakan latihan empat kali seminggu.

"Para pesilat ini harus bersedia menjalani latihan keras kerana ia boleh membantu meningkatkan tahap kekuatan mental.

"Saya tidak mahu mendengar keluhan para pesilat melahirkan rasa gugup menjelang pertarungan," kata Sheik.

Dalam usaha meningkatkan lagi kekuatan mental dan juga tahap kebolehan, Sheik juga mempunyai rancangan membawa para pesilatnya mengadakan latihan di Filipina dan juga di Indonesia.

"Filipina berminat untuk menerima kunjungan kami. Bagaimanapun apa yang saya sarankan ini harus mendapat persetujuan daripada Majlis Persisi," Sheik menerangkan lagi.

"Para pesilat ini harus bersedia menjalani latihan keras kerana ia boleh membantu meningkatkan tahap kekuatan mental. Saya tidak mahu mendengar keluhan para pesilat melahirkan rasa gugup menjelang pertarungan,"

— Sheik Alauddin.

sehari.

"Dalam latihan intensif ini, kami boleh tahu siapakah di antara mereka yang berminat bersungguh-sungguh ataupun sebaliknya.

"Dulu, memang ada dakwaan tentang soal pilih kasih. Tetapi kali ini, semua pesilat harus bersaing untuk merebut tempat, tidak kira sama ada mereka johan dunia ataupun sebagainya," beliau memberitahu.

Para pesilat yang terpilih membentuk skuad negara kemudiannya akan mengadakan latihan empat kali seminggu.

"Para pesilat ini harus bersedia menjalani latihan keras kerana ia boleh membantu meningkatkan tahap kekuatan mental.

"Saya tidak mahu mendengar keluhan para pesilat melahirkan rasa gugup menjelang pertarungan," kata Sheik.

Dalam usaha meningkatkan lagi kekuatan mental dan juga tahap kebolehan, Sheik juga mempunyai rancangan membawa para pesilatnya mengadakan latihan di Filipina dan juga di Indonesia.

"Filipina berminat untuk menerima kunjungan kami. Bagaimanapun apa yang saya sarankan ini harus mendapat persetujuan daripada Majlis Persisi," Sheik menerangkan lagi.

"Para pesilat ini harus bersedia menjalani latihan keras kerana ia boleh membantu meningkatkan tahap kekuatan mental. Saya tidak mahu mendengar keluhan para pesilat melahirkan rasa gugup menjelang pertarungan,"

— Sheik Alauddin.